

27 AUG 2001

Khalil-Pelajar

KHALIL: SESI DIALOG, INTERAKSI PELAJAR DENGAN PEMIMPIN DIGALAKKAN

SHAH ALAM, 27 Ogos (Bernama) -- Sesi interaksi dan dialog antara pemimpin kerajaan dengan para pensyarah dan pelajar di institusi pengajian tinggi tempatan digalakkan dalam usaha meningkatkan kefahaman mengenai dasar dan langkah kerajaan.

Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob berkata hari ini melalui sesi interaksi dan dialog seperti itu, tahap kefahaman pensyarah dan pelajar terhadap apa sahaja dasar serta langkah yang diambil kerajaan akan meningkat.

"Memang kita galakkan pemimpin kanan kerajaan mengadakan interaksi dengan pelajar di IPT tempatan, sambil-sambil itu kita sampaikan mesej kerajaan," katanya kepada pemberita selepas menghadiri sesi dialog bersama pelajar Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media Universiti Teknologi Malaysia (UiTM) di sini.

Katanya, beliau juga melihat aliran masa kini apabila pemimpin-pemimpin kanan kerajaan mengadakan interaksi sekerap yang boleh dengan pensyarah dan pelajar di IPT tempatan sebagai sesuatu positif.

"Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri apabila membuat lawatan ke seberang laut antara program utamanya adalah perjumpaan dan dialog bersama pelajar," katanya.

Ini telahpun dicontohi dan dikembangkan ke IPT tempatan, katanya.

Menurut Khalil, menerusi sesi interaksi dan dialog itu, pemimpin negara berkesempatan mendengar masalah yang dikemukakan oleh pensyarah dan pelajar serta membantu menyelesaikannya, di samping memberi bimbingan lain.

Katanya kerajaan memahami betapa pentingnya suara pelajar dalam masyarakat berikutan peranan amat penting yang bakal dimainkan oleh mereka kelak dalam agenda pembangunan negara.

Ditanya mengenai sesi dialog bersama pelajar UiTM hari ini, Khalil menyatakan perasaan sukacita secara keseluruhan dengan sokongan para pelajar IPT tersebut terhadap setiap langkah dan dasar kerajaan.

"Kita turut menerima maklumat balas yang positif terhadap Kementerian Penerangan," katanya.

"Respons bagus, kita mempunyai komunikasi yang baik antara kementerian dengan pelajar di sini," katanya Khalil, sambil menambah kata bahawa UiTM juga memberi sokongan kuat terhadap apa yang dilakukan oleh kementerian itu.

Menurutnya, para pelajar turut memberi maklumat balas yang memberangsangkan terutamanya ketika menyampaikan soalan-soalan tanpa merasa tertekan.

Menteri itu turut menyampaikan hasratnya untuk terus mengadakan sesi dialog dan interaksi dengan pelajar UiTM dari semasa ke semasa.

"Kita kena datang juga berjumpa dan bertanya khabar. Kita juga ingin pensyarah dan pelajar mengikuti apa yang sedang dilaksanakan oleh kerajaan," katanya.

-- BERNAMA

RIZ NMO